

## SAMBUTAN AIDILFITRI & RUMAH TERBUKA BAFIN 2011

Bersempena dengan kemeriahannya menyambut raya di bulan Syawal, Kelab Pengurusan Kewangan dan Perbankan SPE turut tidak ketinggalan mengadakan sambutan Rumah Terbuka Aidilfitri pada 30 September 2011 yang lepas bertempat di Dewan Bankuasi, UMS. Program yang julung kali diadakan ini telah dihadiri pelajar program HE06 sendiri, pelajar antarabangsa, serta beberapa jemputan khas, antaranya

Dr. Mohd Rahimie Abdul Karim, (Timbalan Dekan P&I), En. Amer Azlan Abdul Jamal (Ketua Program HE06) serta para pensyarah program .Menurut pengarah projek sambutan Aidilfitri program HE06 2011 iaitu Cik Nurul Adilah, antara objektif utama majlis ini adalah untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara semua pelajar yang mempunyai latar belakang budaya yang berbeza, serta mengeratkan hubungan sesama pelajar

dan tenaga pengajar. Selain itu, majlis ini dianggap wadah untuk para pelajar dari luar negara untuk mengenali dan merasai sendiri suasana perayaan yang diraikan oleh umat Islam di Malaysia. Di samping dihidangi dengan pelbagai makanan yang enak, hadirin turut dihibur dengan beberapa slot aktiviti yang menarik seperti persembahan Ukulele, nyanyian daripada para pelajar, pensyarah, serta cabutan bertuah

